

19 APR 2001

Mahathir-Suhakam

TAK SEMUA PENDAPAT SUHAKAM MESTI DITERIMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Kerajaan tidak terikat untuk menerima semua pendapat Suruhanajaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika diminta mengulas laporan tahunan pertama Suhakam yang diumumkan hari ini, beliau berkata : "Itu pandangan mereka, bukan bererti pandangan kerajaan. Kita tidak semestinya menerima semua pendapat mereka."

Pengerusi Suhakam Tan Sri Musa Hitam menyerahkan laporan tahunan bagi tahun 2000 kepada Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail di bangunan Parlimen hari ini.

Dr Mahathir yang ditemui pada dialog Kepimpinan Muda dan Intelek Afrika di sini, berkata keselamatan negara bergantung kepada kerajaan dan polis dan bukannya Suhakam.

"Tanggungjawab mengenai keselamatan bukannya terletak pada Suhakam tetapi pada kita, pada polis kita.

"Jadi kita kena dengar pandangan mereka," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai keadaan tegang di Pontianak, Kalimantan Barat dan pejabat konsul Malaysia di sana, Dr Mahathir berkata beliau belum mendapat maklumat tetapi jika ada ancaman kakitangan Malaysia patut pulang.

Namun Dr Mahathir berkata beliau yakin pihak berkuasa Indonesia akan menjaga keselamatan mereka.

"Saya fikir dia akan jaga," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak akan mengkaji semula Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 1991 untuk menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

"Kita mahu menjadi sebuah negara maju tetapi sebuah negara maju pada tahun 2020 yang berbeza dengan negara maju semasa kita mula lancarkan Wawasan 2020 pada 1991," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas ucapannya pada dialog itu bahawa Wawasan 2020 mungkin bertukar dalam masa 20 tahun lagi pada tahun 2020.

Perdana Menteri berkata Malaysia perlu mengambil kira perubahan dalam pencapaian sesebuah negara maju.

"Ini kerana negara maju di masa depan akan bergantung kepada kemampuannya menggunakan teknologi maklumat," katanya.

-- BERNAMA

RV DC MAI